

## Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.



# Jenayah kopiaiah putih



**BERHATI-HATI** daripada menjadi mangsa jenayah kopiaiah putih. - GAMBAR HIASAN

“INI bukan jenayah kolar putih, tetapi jenayah kopiaiah putih!” Tersentak saya seketika

mendengar ayat seloroh seorang rakan, Wan Rumaizi yang merupakan pakar bidang muamalat suatu ketika dahulu.

Sindiran itu ada benarnya kerana banyak sekali pengeluar produk ‘Islam’ menggunakan agama sebagai bahan pelaris dalam pasaran sekarang.

Akal kitapun tidak terjangkau idea kreatif produk Islamik mereka tawarkan seperti minyak wangi jampian ayat pengasih surah Yusuf dan surah Taha, jus ajaib yang dibacakan 30 juzuk al-Quran oleh 100 hafiz al-Quran, air penawar yang sudah ditawafkan di Kaabah dan banyak lagi.

Berbeza dengan produk sebenar yang boleh kita kesan bahan buaatannya atau kecapi rasa manis, pahit dan masamnya, produk agama seperti air jampi 30 juzuk al-Quran tidak dapat dilihat partikel surahnya atau dikecap oleh lidah nama-nama surahnya.

Anda tidak percaya? Berikan air tersebut kepada penghafaz al-Quran, merekapun tidak dapat memastikan adakah air yang diminum itu punya rasa seperti surah al-Baqarah, al-Nisa’, Fussilat, al-Jathiyah, al-Taghabun dan sebagainya.

Bukan setakat nama Islamik terhadap sesuatu produk, pakaian Islamik seperti kopiaiah putih juga mampu mengislamkan premis perniagaan. Kopiaiah putih antara ‘alat bantu menipu’ atas nama agama yang berkesan.

Kalau mahu pelanggan berkerumun ke premis perniagaan anda, pakailah kopiaiah putih. Pasti label

premis Muslim terus melekat kemas walaupun pada masa lapangnya mulut si pemilik premis berkopiaiah putih itu tidak putus-putus menyedut dan menghembus asap rokok sedangkan sudah lama difatwakan haram.

Pada saya, peniaga Muslim perlu lebih terhormat dalam berniaga. Juallah kualiti bukannya nama yang dijulung

dengan spekulasi nama Islamik. Islam menitikberatkan kualiti bukannya nama. Apa guna menamakan satu produk dengan nama al-Jawdah (kualiti) tapi produknya seperti sampah.

### CONTOHI SAHABAT

Contohnya sahabat Nabi Muhammad SAW yang tidak menggunakan kelebihan agama dikurniakan oleh Allah kepada mereka untuk kepentingan peribadi melariskan produk. Berikut beberapa kelebihan sahabat yang tidak pernah mengeksploitasi Islam sebagai pelaris perniagaan:

**1 Abu Said al-Khudri r.a.**  
Tidak pernah menjual ‘jamu al-Fatihah penawar racun binatang berbisa Abu Said’ walaupun beliau pernah merawat penghulu sebuah kampung yang disengat binatang

berbisa hanya dengan membaca al-Fatihah - Hadis Sahih Bukhari.

**2 Umar al-Khattab r.a.**  
Tidak pernah memperkenalkan ‘Kit Anti Syaitan Umar al-Khattab’ walaupun beliau digeruni syaitan sebagaimana sabda Nabi SAW maksudnya: “Wahai anak al-Khattab (Umar), Demi yang diriku berada di tangan-Nya (kuasa Allah), tidaklah setiap kali syaitan bertemu denganmu pada satu jalan, nescaya dia akan mencari jalan lain yang tidak sama dengan jalanmu (kerana takutkanmu).” - Sahih Bukhari dan Muslim

**3 Abdullah bin Abbas r.a.**  
Tidak pernah menjual ‘kismis minda ibn Abbas’ yang menjamin kecerdikan luar biasa walaupun beliau pernah didoakan Rasulullah agar diberi kebijaksanaan dan kecerdikan dalam memahami agama. - Sahih Bukhari dan Musnad Ahmad

**4 Khalid al-Walid r.a.**  
Tidak pernah menjual ‘pedang kuasa Khalid’ yang mampu memenangi sebarang pertempuran walaupun beliau digelar Nabi SAW sebagai sebilah pedang Allah dalam doa baginda ertinya: “Ya Allah! Dia ini (Khalid bin al-Walid) adalah sebilah pedang di antara banyak pedang-Mu, maka berilah kemenangan padanya.” - Musnad Ahmad

**5 Anak angkat Nabi, Anas bin Malik r.a.**  
Juga tidak pernah menjual ‘air jampi pemurah rezeki Anas’ walaupun beliau dikurniakan harta dan anak pinak yang banyak berkat doa Nabi SAW untuknya ertinya: “Ya Allah, Perbanyakkanlah harta serta anak pinaknya, dan berkatilah kepadanya pada apa (sahaja) rezeki yang Engkau anugerahkannya.” - Sahih Bukhari dan Muslim

### PENUNGGANG AGAMA

Cerita penipuan penunggang agama sudah lama kita dengar. Pernah seorang wanita mengadu pada saya:

“Malang nasib saya, ditipu

### PEDOMAN

- Jenayah kopiaiah putih tidak kurang bahayanya kepada masyarakat seperti jenayah kolar putih.
- Jangan sesekali menjual nama Islam bagi mengaut keuntungan.
- Agama adalah ‘manual’ pembimbing manusia, pun begitu agama juga boleh menjadi racun berbisa jika tiada keikhlasan hati.
- Jadikan agama sebagai bahtera penyelamat dan bukannya tunggangan mencari dunia.

sang ustaz. Sangka saya dia benar ustaz pembimbing manusia ke jalan Tuhan, rupanya dia adalah syaitan berjubah ustaz. Bukan setakat wang dan harta saya dikikis, ‘raga’ sayapun hampir diragutnya.”

Agama adalah ‘manual’ pembimbing manusia. Manusia tidak mampu hidup sebagai manusia hakiki tanpa bimbingan agama. Manusia yang tidak beragama seumpama layang-layang tak bertali, walau bebas terbang di udara tanpa batas, namun kesudahannya merana jatuh terhempas tak berkubur.

Pun begitu, agama juga boleh menjadi racun berbisa jika tiada keikhlasan di hati. Ramai orang berlaggit jari ditipu orang berlaggit jari menggunakan agama sebagai umpan kerana umpan agama senang disambar oleh sesiapa sahaja.

Bukan setakat produk atau watak lagak alim, ramai manusia sanggup membunuh manusia tidak bersalah atas nama agama dan jihad walaupun ia sebenarnya hanya jahat.

Fenomena tunggangan dan jual agama bukan baru rupanya, ia adalah kitaran sejarah manusia semenjak ribuan tahun. Al-Quran menyebut para pendeta Yahudi dan Nasrani pernah menjadi pedang agama yang sangat tidak bermoral:

Ertinya: “Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya banyak antara pendeta dan ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam)...” (al-Taubah 9: 34).

Akhir kata, marilah kita berdoa seikhlas hati agar tidak menjadi kapitalis agama yang memperdagangkan agama secara hina. Jadikan agama sebagai bahtera penyelamat manusia dan bukannya tunggangan mencari dunia.

## Pecah amanah wang pusat tahfiz



KERATAN akhbar baru-baru ini melaporkan kes ‘pemerdagangan’ agama.